

CNS6850

U GB 21-04 00192 BH953

bah

PUBLIC BANK BUKA CAWANGAN DI HANOI

Mahathir - Bank

Daripada Abdul Rahman Sulaiman

I

HANOI, 21 April (Bernama) -- Sebuah bank yang ditubuhkan di Malaysia membuka cawangannya di sini hari ini dalam satu usahasama dengan sebuah bank tempatan bagi merintis jalan kepada penyertaan yang lebih banyak oleh rakyat Malaysia dalam perniagaan di Vietnam.

Cawangan yang dinamakan VID Public Bank itu merupakan bank usahasama Malaysia-Vietnam yang pertama dan membabitkan Bank For Investment and Development of Vietnam (BIDV) dan Public Bank Berhad dari Malaysia. Ia dirasmikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang sedang melakukan lawatan rasmi lima hari ke Vietnam.

Majlis perasmian itu dihadiri oleh para pegawai Malaysia dan Vietnam selain ahli-ahli perniagaan dari kedua-dua negara.

Sambil mengucapkan tahniah kepada kedua-dua rakan kongsi itu, Dr Mahathir berkata, +Saya yakin kejayaan usahasama ini akan menjalin lebih banyak pertalian perniagaan dan akan membuka jalan kepada penyertaan rakyat Malaysia dalam bidang perniagaan di Vietnam.+

Dr Mahathir berkata pengukuhan hubungan antara Malaysia dan negara-negara Indochina tepat pada masanya dan ia akan menyumbang kepada proses pembangunan semula negara-negara ini. -- Lagi

▼21/04/15-45MST

CNS6868

U GB 21-04 00111 BH954

bah

Mahathir - Bank 2 Hanoi

Katanya sebagai anggota Asean, Malaysia sedia untuk menolong khususnya dalam bantuan teknikal dan kepakaran untuk pembangunan, yang diperolehi hasil proses pembangunannya sendiri.

+Vietnam yang pesat membangun akan turut membantu kejayaan konsep Asean,+ kata Perdana Menteri.

Dr Mahathir berkata bahawa sesebuah negara yang ingin memajukan ekonominya, perlu mempunyai sumber yang banyak bagi membiayai kemudahan asas selain menyediakan perusahaan yang produktif.

Katanya walaupun pelaburan asing merupakan sumber kewangan yang diperlukan, sumber dalaman juga harus digerakkan untuk kemajuan ekonomi.

Dalam hal ini, kata beliau, bank-bank mempunyai peranan penting menggunakan hasil tabungan untuk pembangunan negara. -- Lagi

▼21/04/16-00MST

CNS6908

U GB 21-04 00168 BH955

bah

Mahathir - Bank 3 Hanoi

+Pengalaman di Malaysia meyakinkan kami bahawa sebuah sistem bank yang cekap merupakan kunci kepada pertalian antara simpanan domestik dan keperluan pelaburan.

+Ia juga menyediakan kemudahan pembiayaan untuk mengimport dan mengeksport barangan,+ kata Perdana Menteri.

Dr Mahathir berkata potensi untuk perkhidmatan bank dan kewangan berkembang di Vietnam begitu cerah.

Dengan adanya program pembangunan semula tajaan kerajaan dan iklim pelaburan yang lebih baik, beliau yakin ahli-ahli perniagaan asing termasuk dari Malaysia akan memasuki Vietnam.

Dr Mahathir juga menyentuh mengenai perubahan pada corak perdagangan antarabangsa, sambil berkata bahawa dengan adanya saingan yang lebih, pasaran baru harus diterokai.

Menurut beliau, memandangkan negara-negara Asia boleh menjadi pasaran sokongan, negara-negara Asia Tenggara memerlukan satu platform yang kukuh bagi bekerjasama dan membincangkan isu-isu kepentingan bersama.

+Dalam hal ini, negara-negara Asia Timur perlu menjalin kerjasama serantau di bidang ekonomi. Perundingan Ekonomi Asia Timur menyediakan rangka kerja yang terbaik ke arah mencapai matlamat ini,+ katanya. --  
Bernama

▼21/04/16-29MST